



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 18 OKTOBER 2020

#### **STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH**

Sukacita Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa pada hari ini, Malaysia mencatatkan bilangan kes pulih COVID-19 yang tertinggi iaitu sebanyak **701 kes**. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 adalah **13,262 kes** (64.7 peratus daripada jumlah keseluruhan kes). Pecahan kes yang telah pulih COVID-19 mengikut negeri adalah seperti berikut:

- Kedah (411 kes);
- Sabah (221 kes);
- Selangor (64 kes);
- Negeri Sembilan (2 kes);
- Johor (2 kes); dan
- Sarawak (1 kes).

#### **STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA**

Sehingga 18 Oktober 2020 pukul 12:00 tengah hari, sebanyak **871 kes baharu** telah dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah

sebanyak **20,498 kes**. Oleh itu, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah 7,049 kes**. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan.

Secara keseluruhan, sebanyak 97 kes (11.1 peratus) pada hari ini adalah daripada Kluster Tembok, Kluster Penjara Reman, Kluster Penjara Seberang Perai dan Kluster Penjara Kepayan. Kes-kes ini sememangnya terasing di dalam penjara dan tidak menjangkiti masyarakat. Manakala, negeri-negeri di Lembah Klang pula merangkumi 9.6 peratus daripada jumlah keseluruhan kes. Jika dilihat pecahan utama jumlah kes hari ini pula, Negeri Sabah terus mencatatkan jumlah kes tertinggi iaitu 702 kes (80.6 peratus). Ini memandangkan lebih ramai individu telah disaring di lapangan. Sejak bermulanya pandemik, sejumlah **251,030 individu** telah disaring di negeri Sabah.

Ingin dimaklumkan daripada 871 kes baharu yang dilaporkan, terdapat **lima (5) kes** import yang telah mendapat **jangkitan dari luar negara** yang melibatkan tiga (3) warganegara dan dua (2) bukan warganegara iaitu dari negara:

- India (2 kes di Selangor);
- Nepal (2 kes di Selangor); dan
- Singapura (1 kes di Selangor).

Daripada 866 kes **penularan di dalam negara**, dua (2) kes merupakan pengunjung yang pulang dari Sabah, yang menjadikan jumlah kes dilaporkan mempunyai sejarah perjalanan ke Sabah sejak 20 September 2020 adalah sebanyak 443 kes.

Perincian kes penularan COVID-19 dalam negara adalah seperti berikut:

- **Sabah: 702 kes**
  - 49 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Penjara Kepayan**;
  - 81 kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
  - 572 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Selangor: 72 kes**
  - Lima (5) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Auto**;
  - 32 kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
  - 35 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Pulau Pinang: 45 kes**
  - Tiga (3) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Alma**;
  - 40 kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
  - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Perak: 10 kes** daripada kluster-kluster sedia ada.
  
- **Wilayah Persekutuan Labuan: Sembilan (9) kes**
  - Satu (1) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Bah Layangan**;
  - Enam (6) kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
  - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Kedah: Sembilan (9) kes**
  - Lapan (8) kes daripada kluster sedia ada; dan

- Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: Tujuh (7) kes**
  - Empat (4) kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
  - Tiga (3) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Sarawak: Lima (5) kes**
  - Empat (4) kes daripada kluster sedia ada; dan
  - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Negeri Sembilan: Tiga (3) kes**
  - Satu (1) kes daripada kluster sedia ada; dan
  - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Terengganu: Dua (2) kes** daripada kluster-kluster sedia ada.
- **Johor: Satu (1) kes** daripada kluster sedia ada.
- **Melaka: Satu (1) kes** daripada kluster sedia ada.

Sehingga kini, terdapat **86 kes** positif COVID-19 yang sedang dirawat di **Unit Rawatan Rapi (ICU)**, di mana **28 kes** memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) Kebangsaan, dukacita dimaklumkan bahawa terdapat pertambahan **tujuh (7) kes kematian** berkaitan COVID-19. Justeru,

jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **187 kes** (0.9 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

Ringkasan kes-kes kematian hari ini adalah seperti berikut:

<b>Kes kematian</b>	<b>Kes</b>	<b>Negeri</b>	<b>Jantina</b>	<b>Umur (tahun)</b>	<b>Hospital</b>	<b>Latar Belakang</b>
181	13525	Sabah	Lelaki WN	61	Hospital Queen Elizabeth	-
182	12984	Sabah	Perempuan WN	70	Hospital Tawau	Penyakit darah tinggi
183	13706	Sabah	Lelaki WN	57	Hospital Queen Elizabeth	Penyakit darah tinggi
184	20328	Sabah	Perempuan BWN	55	Hospital Duchess of Kent	Penyakit darah tinggi
185	20329	Sabah	Lelaki BWN	41	Hospital Tawau	-
186	17779	Sabah	Lelaki WN	44	Hospital Duchess of Kent	Penyakit jantung, darah tinggi, kencing manis dan dislipidemia
187	20401	Selangor	Perempuan WN	46	Pusat Perubatan	-

\* WN merujuk kepada warganegara dan BWN bukan warganegara

KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka.

## **EMPAT (4) KLUSTER BAHARU DILAPORKAN HARI INI**

KKM ingin memaklumkan bahawa terdapat **empat (4) kluster baharu** telah dikenal pasti pada hari ini iaitu;

### **1) KLUSTER BAH LAYANGAN**

Kluster baharu ini melibatkan Wilayah Persekutuan Labuan dan daerah Rembau di Negeri Sembilan. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-15654) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 10 Oktober 2020 dan telah dimasukkan ke Hospital Labuan. Kes juga mempunyai sejarah perjalanan ke daerah yang berisiko tinggi. Saringan kontak rapat telah mengenal pasti 12 lagi kes positif COVID-19.

Sehingga 18 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 142 individu telah disaring, di mana:

- 13 kes dikesan positif COVID-19;
- 67 individu negatif; dan
- 62 individu masih menunggu keputusan.

### **2) KLUSTER ALMA**

Kluster baharu ini melibatkan daerah Seberang Perai Selatan dan Seberang Perai Tengah di negeri Pulau Pinang. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-18066) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 14 Oktober 2020 dan telah dimasukkan ke Hospital Pulau Pinang.

Saringan kontak rapat telah mengenal pasti enam (6) lagi kes positif COVID-19.

Sehingga 18 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 183 individu telah disaring, di mana:

- Tujuh (7) kes dikesan positif COVID-19;
- 43 individu negatif; dan
- 133 individu masih menunggu keputusan.

### 3) **KLUSTER AUTO**

Kluster baharu ini melibatkan daerah Petaling, Kuala Langat dan Klang di negeri Selangor serta daerah Seremban di Negeri Sembilan. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-19354) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 15 Oktober 2020 dan telah dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh. Saringan kontak rapat telah mengenal pasti lapan (8) lagi kes positif COVID-19.

Sehingga 18 Oktober 2020, 12 tengah hari, sebanyak sembilan (9) kes dikesan positif COVID-19. Punca jangkitan masih dalam siasatan.

### 4) **KLUSTER PENJARA KEPAYAN**

Kluster baharu ini dikenal pasti di Kota Kinabalu di negeri Sabah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-19628) yang telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan kemasukan ke hospital di Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu pada 14 Oktober 2020. Saringan kontak rapat telah mengenal pasti 48 lagi kes positif COVID-19.

Sehingga 18 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 170 individu telah disaring, di mana:

- 49 kes dikesan positif COVID-19;
- 121 individu negatif; dan
- Tiada individu menunggu keputusan.

### **SITUASI SEMASA COVID-19 DI SABAH**

Pada 18 Oktober 2020, kumulatif kes COVID-19 di Sabah adalah sebanyak 7,439 kes (iaitu sebanyak 36.3 peratus daripada kumulatif kes di Malaysia). Hari ini, Sabah melaporkan kes yang tertinggi iaitu sebanyak 702 kes (80.6 peratus daripada jumlah kes hari ini). Lonjakan jumlah kes yang tinggi ini adalah berikutan pelaporan sampel dari Sabah yang dihantar ke Institut Penyelidikan Perubatan dalam jumlah yang besar.

Sejak bermulanya pandemik COVID-19 di Malaysia, Kerajaan telah menjalankan ujian pengesanan COVID-19 ke atas **251,030 individu di Sabah**. Ini susulan daripada pengesanan kes secara aktif yang dijalankan oleh kesihatan awam sebagai salah satu langkah untuk membendung penularan jangkitan COVID-19 di Sabah. Sehingga hari ini, kadar positifiti COVID-19 negeri Sabah adalah sebanyak 2.96 peratus.

### **NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan. Jadikanlah nasihat-nasihat ini satu kebiasaan baharu dalam kehidupan harian:



- **Elakkan 3S / 3C** : iaitu elakkan kawasan yang **sesak (*Crowded place*)**, elakkan kawasan yang **sempit (*Confined space*)** dan elak **sebang** atau bertutur dengan **jarak yang dekat (*Close conversation*)**.
- **Amalkan 3W** : iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (***Wash***), memakai alat pelitup muka (*facemask*) di tempat awam yang telah diwajibkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) mulai 1 Ogos 2020 atau jika bergejala (***Wear***), dan (***Warn***) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
  - Elakkan bersalaman / bersentuhan termasuk melagakan mana-mana bahagian tubuh badan sebagai menggantikan cara kebiasaan bersalam;
  - Amalkan etika batuk dan bersin;
  - Dapatkan rawatan segera jika bergejala;
  - Duduk di rumah dan elakkan kunjung-mengunjung;
  - Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai normal baharu iaitu:

- **S** : Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP);
- **O** : Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P** : Penjarakan fizikal (*physical distancing*) sekurang-kurangnya 1 meter diamalkan pada setiap masa.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

18 Oktober 2020 @ 5.30 petang.

**LAMPIRAN 1****BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA  
(SEHINGGA 18 OKTOBER 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN KES BAHARU *( )</b>	<b>BILANGAN KES KUMULATIF</b>
<b>SABAH</b>	702	7,439
<b>SELANGOR</b>	77 (5)	3,250
<b>W.P. KUALA LUMPUR</b>	7	2,846
<b>KEDAH</b>	9	1,937
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	3	1,100
<b>JOHOR</b>	1	837
<b>SARAWAK</b>	5	768
<b>PULAU PINANG</b>	45	636
<b>PERAK</b>	10	397
<b>PAHANG</b>	0	387
<b>MELAKA</b>	1	283
<b>KELANTAN</b>	0	173
<b>TERENGGANU</b>	2	162
<b>W.P. PUTRAJAYA</b>	0	125
<b>W.P. LABUAN</b>	9	120
<b>PERLIS</b>	0	38
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>871 (5)</b>	<b>20,498</b>

\*( ) adalah merujuk kepada kes-kes import

**Status Terkini Kluster Aktif Yang Mencatat Kes Positif Pada Hari Ini (18 Oktober 2020)**

	<b>Kluster</b>	<b>Negeri</b>	<b>Daerah</b>	<b>Kes Baharu</b>	<b>Jumlah Kes</b>	<b>Jumlah Yang Disaring</b>	<b>Kes Aktif (Kes ICU)</b>	<b>Jumlah Sembuh</b>	<b>*BWN</b>	<b>Jumlah Kematian</b>
1	Penjara Kepyau	Sabah	Kota Kinabalu	49	49	170	49 (0)	0	14	0
2	Tujuh Serangkai	Sabah	Tuaran	25	149	2,655	123 (0)	25	5	1
3	Penjara Reman	Pulau Pinang	Timur Laut	22	399	3,902	398 (0)	0	26	1
4	Penjara Seberang Perai	Pulau Pinang	Seberang Perai Selatan	18	72	744	72 (2)	0	10	0
5	Ramai-Ramai	Sabah	Sandakan	17	182	702	156 (1)	26	17	0
6	Tanamera	Sabah	Tawau	13	44	84	35 (0)	9	8	0

7	Tembok	Kedah, Perak	Kota Setar, Baling, Kuala Muda, Sungai Petani, Kubang Pasu, Larut Matang & Selama	8	1,571	7,093	1084 (6)	486	97	1
8	Jalan Bomba	Sabah	Sandakan	8	14	298	10 (0)	2	3	2
9	Kasih	Sabah	Lahad Datu	7	53	1,863	22 (0)	31	3	0
10	Utama	Selangor, Melaka	Gombak, Hulu Langat, Petaling, Alor Gajah	6	183	846	182 (0)	1	150	0
11	Jalan Meru	Selangor, Johor, Kelantan, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Pahang	Hulu Langat, Klang, Gombak, Petaling, Hulu Selangor, Kuala Selangor, Johor Bahru, Kota Bharu, Titiwangsa, Lembah Pantai, Kepong,	6	124	1,066	64 (0)	60	1	0

			<b>Cheras, Temerloh</b>							
			<b>Hulu Langat, Petaling, Gombak, Klang, Sepang, Cheras, Titiwangsa, Lembah Pantai, WP Putrajaya, Larut, Matang &amp; Selama, Kuala Nerus, Melaka Tengah</b>							
<b>12</b>	<b>Menara</b>	<b>Selangor, WP Kuala Lumpur &amp; Putrajaya, Perak, Terengganu , Melaka</b>		<b>6</b>	<b>39</b>	<b>278</b>	<b>39 (0)</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>
			<b>Besut, Kuantan, Petaling, Klang, Hulu Langat, Gombak, Port Dickson, Manjung, Hilir Perak, Johor Bahru</b>							
<b>13</b>	<b>Simera</b>	<b>Terengganu , Pahang, Selangor, Negeri Sembilan, Perak, Johor</b>		<b>5</b>	<b>46</b>	<b>672</b>	<b>44 (0)</b>	<b>2</b>	<b>2</b>	<b>0</b>

14	Bah Tropicana	Selangor, WP Kuala Lumpur & Putrajaya	Petaling, Gombak, Klang, Titiwangsa, Lembah Pantai	5	42	715	35 (0)	7	0	0
15	Auto	Selangor, Negeri Sembilan	Petaling, Klang, Kuala Langat, Seremban	5	9	9	9 (0)	0	0	0
16	Benteng LD	Sabah	Lahad Datu, Tawau, Sandakan, Kinabatangan, Tuaran	4	1,050	16,488	239 (0)	810	409	1
17	Bah Manggis	Sabah, Selangor	Tawau, Kuala Langat	4	40	580	38 (0)	2	1	0
18	Bah Arnab	Sarawak	Kuching	4	12	40	11 (0)	1	0	0
19	Lekir	Perak	Manjung	4	11	174	11 (0)	0	0	0
20	Saguking	WP Labuan	Labuan	4	9	316	9 (0)	0	3	0
21	Bestari	Sabah	Sandakan	3	26	58	16 (0)	10	0	0

22	Alma	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Selatan	3	7	183	7 (0)	0	0	0
23	Benteng PK	Selangor	Klang, Kuala Langat	2	60	429	47 (0)	13	43	0
24	Sungei Way	Selangor, WP Kuala Lumpur	Petaling, Klang, Gombak, Hulu Langat, Titiwangsa, Lembah Pantai, Cheras	2	38	308	35 (0)	3	0	0
25	Bah Bundle	WP Labuan, Johor	Labuan, Johor Bahru	2	19	495	17 (0)	2	2	0
26	Teduh	Sabah	Lahad Datu	2	13	535	12 (0)	1	2	0
27	Merbok	Selangor	Kuala Langat, Klang, Hulu Langat, Petaling, Kuala Selangor	2	12	613	12 (0)	0	0	0
28	Keladi	Selangor	Klang	1	27	191	27 (0)	0	22	0
29	Bina	Sabah	Beaufort, Sipitang	1	24	80	24 (0)	0	9	0



30	Khazanah	Sabah	Lahad Datu	1	19	1,439	19 (0)	0	1	0
31	Buang Sayang	Sabah, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Negeri Sembilan	Sipitang, Pitas, Putatan, Titiwangsa, Seremban, Rembau	1	13	412	4 (0)	9	0	0
32	Bah Layangan	WP Labuan, Negeri Sembilan	Labuan, Rembau	1	13	142	13 (1)	0	0	0
33	Buntar	Kedah, Perak, WP Putrajaya, Johor	Kuala Muda, Kerian, Putrajaya, Batu Pahat	1	11	212	11 (0)	0	0	0
34	Sentral	WP Kuala Lumpur	Kepong, Cheras, Titiwangsa, Lembah Pantai	1	6	216	5 (0)	0	1	1

\*BWN = Bukan Warganegara